

SOALAN NO : 424

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : -
SOALAN : 424**

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang rawatan dan perubatan kepada OKU dan pesakit kronik :-

- a) nyatakan keistimewaan yang akan diberi kepada mereka ; dan
- b) adakah semua kos rawatan dan perubatan akan ditanggung oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit OKU di fasiliti kesihatan kerajaan serta komuniti melalui program *outreach*.

KKM telah memperkenalkan satu transformasi kesihatan yang memberi impak kepada pesakit terlantar dan OKU di rumah dalam memastikan golongan tersebut mendapat akses kesihatan yang holistik dan berkualiti. Melalui inisiatif Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD)

70

yang telah dimulakan sejak tahun 2014, perkhidmatan kesihatan diberikan kepada pesakit terlantar yang stabil dan didiscaj dari hospital kerajaan, bagi kesinambungan penjagaan serta perawatan di rumah mereka. Skop PPD kini sedang diperluaskan kepada elemen paliatif, dimana pesakit kronik dan pesakit paliatif akan menerima perkhidmatan penjagaan paliatif, rawatan tahap kesakitan, sokongan emosi, dan penyediaan sokongan keluarga.

Untuk maklum YB Kota Melaka, OKU layak menerima rawatan perubatan percuma wad kelas 3 di hospital Kerajaan dan terhad kepada mereka yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan merupakan warganegara Malaysia. Selain itu, OKU juga layak dikecualikan daripada caj rawatan perubatan di Jabatan Pesakit Luar.

Bagi pemeriksaan kesihatan, pemohon yang ingin memohon kad OKU boleh dipertimbangkan untuk pengecualian caj bayaran pemeriksaan kesihatan bagi pengesahan ketidakupayaan / OKU sebanyak RM100 bagi kes-kes seperti berikut :

- i) Pemohon yang telah mempunyai rekod rawatan bagi kes berterusan di fasiliti KKM dan dalam rawatan. Sebagai contoh, kanak-kanak atau pesakit kronik yang mempunyai rekod rawatan dijangka boleh mengalami komplikasi penyakit yang seterusnya menyebabkan ketidakupayaan. Pesakit tersebut boleh disahkan OKU oleh pegawai / pakar perubatan yang merawat tanpa perlu dikenakan bayaran;

- ii) Kecacatan fizikal nyata yang boleh disahkan mengikut Garis Panduan Pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan OKU, JKM (rujuk Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.15 Tahun 2014 bertarikh 15 September 2014);
- iii) Individu kurang berkemampuan yang hadir ke fasiliti KKM dengan membawa surat sokongan iaitu laporan sosio-ekonomi oleh JKM atau pengesahan ketidakmampuan daripada JKM; atau
- iv) Individu yang dirujuk daripada Program Outreach yang dijalankan oleh agensi Kerajaan atau bukan Kerajaan dengan kerjasama KKM di sekolah atau komuniti melalui anggota kesihatan Kerajaan.

72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

SOALAN : 425

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan tentang kedudukan Lapangan Terbang
Batu Berendam di negeri Melaka :-**

- (a) adakah lapangan terbang ini akan dinaiktaraf lagi. Jika ya, berikan perancangannya dengan detil termasuk tarikh yang ia akan dilaksanakan ; dan
- (b) adakah cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di atas sebuah pulau tambak laut .

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Satu kajian kemungkinan bagi Menaiktaraf dan Pembesaran Lapangan Terbang Melaka telah disiapkan pada tahun 2016 dan hasil kajian mendapati memadai dengan memberi keutamaan kepada kerja-kerja pemanjangan landasan sehingga 2,500 meter bagi keperluan pendaratan pesawat kod 4C tanpa kekangan muatan di Lapangan Terbang Melaka sedia ada.

Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan telah memohon pertimbangan Kerajaan supaya kerja-kerja projek pemanjangan landasan ini diluluskan untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11).

Sehubungan dengan cadangan yang tersebut di atas, Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di atas sebuah pulau tambak laut.